



***Kempen Alliance CashtoCatch -  
Promosi Deposit Tetap elektronik  
("e-FD")***

***Terma dan Syarat***

1. “Kempen CashtoCatch Alliance Bank - Deposit Tetap elektronik (“e-FD”) Promosi (“Promosi”) dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad (“Bank”) dan akan berlangsung mulai **5 Oktober 2024 hingga 31 Disember 2024** (“Tempoh Promosi”); termasuklah kedua-dua tarikh tersebut, kecuali dinyatakan sebaliknya.
2. Promosi ini akan berakhir sama ada apabila Bank telah mencapai nilai ambang yang diperuntukkan sebagaimana dalam **Jadual A** atau pada tarikh tamat Tempoh Promosi, mana-mana yang terdahulu.
3. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk terikat dengan dan menerima segala Terma dan Syarat tersebut.

#### **KELAYAKAN KEMPEN**

4. Promosi ini terbuka kepada pelanggan berikut (“Pelanggan yang Layak”) untuk mengambil bahagian bagi tawaran dalam Jadual A:
  - a) Pelanggan Bank yang baharu atau sedia ada berumur 18 tahun ke atas yang tidak mempunyai Akaun Semasa/Simpanan/-i (“CASA/-i”) termasuklah Akaun SaveLink, Dagangan Saham dan Pembiayaan Margin Saham (“SMF”) dengan Bank sahaja; dan
  - b) Pelanggan yang membuat permohonan untuk membuka Akaun Alliance SavePlus/-i (“Akaun yang Layak”) semasa Tempoh Promosi ini melalui app mudah alih allianceonline.
5. Walaupun memenuhi yang tersebut di atas, individu berikut TIDAK layak untuk mengambil bahagian dalam Promosi ini:
  - a) Pelanggan yang mempunyai Akaun yang Layak dengan Bank yang dorman atau tidak aktif atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank, atau
  - b) Pelanggan yang mempunyai akaun dengan Bank yang menurut dasar dalaman Bank tidak dikendalikan dengan memuaskan, atau
  - c) Mana-mana individu yang dikecualikan oleh Bank mengikut dasar dalamannya, atau
  - d) Pekerja tetap dan/atau kontrak Alliance Bank (termasuk subsidiari dan syarikat yang berkaitan) tidak layak untuk mengambil bahagian

#### **MEKANIK KEMPEN**

6. Untuk melayakkan diri bagi menyertai promosi e-Deposit Tetap (e-FD) sebagaimana dalam **Jadual A** di bawah, Pelanggan yang Layak perlu melengkapkan pembukaan Akaun yang Layak melalui **aplikasi mudah alih allianceonline** (AOM) - proses Kenali Pelanggan Anda secara elektronik (“e-KYC”) semasa Tempoh Promosi.
  - a) Penyempurnaan proses pembukaan akaun termasuklah meletakkan deposit permulaan minimum sebanyak RM20 melalui DuitNow dari akaun sendiri di bank lain untuk mengaktifkan akaun tersebut dan akses AOM dalam Tempoh Promosi; dan
  - b) Aktifkan akses AOM daftar dalam Tempoh Promosi

di mana sekiranya tidak dilaksanakan, Bank berhak membatalkan promosi tersebut.

#### **Jadual A: Promosi e-FD**

| <b>Produk yang Mengambil Bahagian (“e-FD”)</b> | <b>Amaun minimum bagi setiap peletakan</b> | <b>Amaun maksimum bagi setiap peletakan</b> | <b>Tempoh</b> | <b>Kadar Promosi e-FD</b> | <b>Jumlah Nilai Ambang</b> |
|--|--|---|---------------|---------------------------|----------------------------|
| e-Deposit Tetap/e-Deposit Bertempoh-i          | RM1,000                                    | RM100,000                                   | 12 bulan      | 3.90% setahun             | RM70 juta                  |

7. Pelanggan yang Layak akan menerima pemberitahuan automatik melalui AOM pada hari berikutnya selepas Akaun yang Layak dan AOM diaktifkan. Pelanggan yang Layak kemudiannya layak menyertai promosi e-FD berikut. Pelanggan yang Layak perlu mendaftar masuk ke **AOM** untuk menyempurnakan peletakan e-FD selewat-lewatnya pada **4 Januari 2025** untuk menikmati Kadar Promosi. Pelanggan yang Layak boleh klik pada pemberitahuan automatik untuk meletakkan e-FD promo dengan serta-merta atau meletakkan e-FD tersebut kemudian dalam AOM di bawah ciri Urus Deposit Tetap/Bertempoh dengan memilih produk **“SavePlus e-FD promo / SavePlus-i ATDi promo”**.
8. Pelanggan yang Layak yang gagal menyempurnakan peletakan e-FD dengan menekan butang pemberitahuan automatik atau memilih **“SavePlus e-FD promo / SavePlus-i ATDi promo”** semasa peletakan e-FD dalam AOM adalah tidak layak untuk menikmati Kadar Promosi e-FD apabila e-FD telah dihantar dan disahkan. Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk menyemak kadar faedah/kadar keuntungan yang dijana sebelum mengesahkan peletakan e-FD.
9. Setiap Pelanggan yang Layak boleh membuat satu **(1) peletakan** sepanjang Tempoh Promosi. Sekiranya atas apa juga sebab Pelanggan yang Layak membuka beberapa Akaun yang Layak, hanya satu (1) peletakan e-FD akan diberikan Kadar Promosi.
10. Menjelang tarikh matang peletakan e-FD permulaan, e-FD tersebut akan diperbaharui secara automatik kepada e-Deposit Tetap/Deposit Bertempoh e-Alliance-i 12 bulan pada kadar niaga semasa. Faedah/keuntungan e-FD akan ditambahkan kepada amaun Prinsipal selepas selesai tempoh e-FD.
11. Pengeluaran sebahagian daripada peletakan e-FD tidak dibenarkan dalam tempoh 12 bulan e-FD tersebut. Sekiranya e-FD tersebut dikeluarkan sebelum tarikh matang, faedah/keuntungan yang perlu dibayar, sekiranya ada, akan tertakluk kepada dasar Bank berkenaan pengeluaran awal sebelum matang.
12. Kadar Promosi e-FD adalah tertakluk kepada semakan semula dan sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (“OPR”), notis akan dikeluarkan di laman web Bank di [www.alliancebank.com.my](http://www.alliancebank.com.my) atau menerusi cara komunikasi lain sebagaimana yang akan ditentukan oleh Bank kemudian.
13. Bagi Pelanggan yang Layak yang memegang akaun bersama dengan pihak lain, semua akaun tersebut akan dianggap sebagai satu akaun tunggal sahaja menurut nama pemegang akaun utama.
14. Akaun yang Layak yang dipegang oleh Pelanggan yang Layak mestilah sah dan aktif semasa dan selepas Tempoh Promosi untuk memastikan mereka layak untuk menyertai promosi e-FD atau Cashback sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank. Sekiranya Pelanggan yang Layak menutup Akaun yang Layak tersebut atas apa juga sebab, penyertaannya dalam Promosi ini akan menjadi batal dan tidak sah dengan serta-merta.
15. Sekiranya Pelanggan yang Layak telah mengambil bahagian dalam beberapa Promosi atau Kempen pada masa yang sama, Pelanggan yang Layak tersebut hanya berhak mendapat Cashback di bawah salah satu Promosi atau Kempen yang terlibat sahaja. Bank berhak memutuskan Promosi atau Kempen mana yang terpakai bagi Pelanggan yang Layak berkenaan.

### **Terma Dan Syarat Am**

16. Terma dan Syarat ini merupakan tambahan kepada dan bukan bermaksud pengecualian bagi mana-mana satu atau lebih terma, syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir dan/atau mengawal atur pengoperasian dan/atau penyelenggaraan akaun atau sebaliknya.

17. *Segala keputusan yang dibuat oleh Bank berkenaan dengan Promosi ini adalah muktamad dan tidak dapat dipertikaikan, dan sebarang rayuan, surat-menyurat atau bantahan tidak akan dilayan.*
18. *Bank berhak, pada bila-bila masa, menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat, secara keseluruhan atau sebahagiannya, menurut dasar dalaman Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui laman web rasmi Bank, dan dengan menyertai Promosi ini Pelanggan yang Layak telah membaca, memahami, mempersetujui dan menerima sepenuhnya penambahan, pengeluaran, pengubahan dan/atau pindaan tersebut. Untuk mendapatkan versi terkini Terma dan Syarat tersebut, sila layari [www.alliancebank.com.my](http://www.alliancebank.com.my) dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan versi yang dikemas kini, versi yang terkini akan mengatasi yang sebelumnya tetapi hanya setakat bahagian yang terdapat percanggahan tersebut.*
19. *Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Promosi ini tidak akan melayakkan Pelanggan yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dan Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan mengenainya.*
20. *Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, kebetulan, turutan, teladan, punitif, atau kerosakan khas atau prosiding yang dibawa oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau pihak lain, yang berpunca secara langsung atau tidak langsung dari Promosi ini yang disebabkan oleh kecuaiian Pelanggan yang Layak itu sendiri.*
21. *Segala Terma dan Syarat termasuklah sebarang penambahan, pengeluaran, pengubahan dan/atau pindaan yang dibuat terhadapnya dari semasa ke semasa adalah ditadbir oleh dan diertikan menurut undang-undang Malaysia.*
22. *Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Penyata Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank <https://www.alliancebank.com.my/personal-data-protection-act-2010.aspx> dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan perkhidmatannya oleh Bank bagi tujuan Promosi ini.*
23. *Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpulan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.*
24. *Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.*

## **Pencegahan dan Pengurangan Penipuan dalam Kewangan dan Perbankan Kewangan**

25. Pihak Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran kepada Pelanggan mengenai langkah-langkah pencegahan dan pengurangan risiko terhadap penipuan perbankan. Ini adalah tertakluk tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, kemas kini terhadap perisian/ sistem pengendalian/ aplikasi/ versi baharu, dan keperluan peraturan terpakai dari badan-badan pengawalseliaan.
26. Pelanggan hendaklah memastikan kesemua instrumen perbankan contohnya buku cek/helaian cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC) adalah berada dalam jagaan selamat. Jika Pelanggan menyedari berlaku mana-mana urus niaga atau akses seperti yang disenaraikan di atas adalah didapati hilang atau tidak dibenarkan, Pelanggan mestilah dengan serta-merta melaporkannya kepada pihak Bank. Pelanggan tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang timbul berikutan daripada urusniaga yang tidak dibenarkan setelah didapati Pelanggan telah memaklumkan kepada pihak Bank menurut Terma dan Syarat ini sekiranya terdapat sebarang kehilangan, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau di langgar terhadap mana-mana instrumen perbankan Pelanggan seperti yang tertera di atas.
27. Jika terdapat apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan adalah semata-mata disebabkan oleh kelalaian sengaja oleh pihak Bank, pihak Bank secara tunggal atau keseluruhan liabiliti (berkenaan dengan satu atau lebih daripada satu tuntutan) kepada Pelanggan sama ada dalam bentuk kontrak atau tort tidak melebihi jumlah amaun transaksi terhadap tuntutan atau apa-apa tuntutan atau ganti rugi yang di alami, yang mana lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, secara tidak langsung, kerugian turutan, khas atau luar jangka, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pembayaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengambil kira sama ada kerugian atau ganti rugi tersebut berkemungkinan telah didedahkan, atau telah diramalkan secara munasabah oleh pihak Bank.
28. Apabila sesuatu kejadian telah dimaklumkan oleh Pelanggan, pihak Bank akan melaksanakan penyiasatan dan Pelanggan di minta untuk menyediakan maklumat yang mencukupi dan berkerjasama untuk memudahkan penyiasatan. Pihak Bank diberikan kuasa untuk menjalankan pengesanan ke atas pencegahan dan pengurangan penipuan perbankan seperti langkah-langkah berikut (dengan/tanpa kebenaran daripada Pelanggan) semasa pihak Bank menjalankan penyiasatan:
- i) Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;
  - ii) Menarik balik atau membatalkan perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pelanggan melalui Internet atau perkhidmatan Perbankan Mudah Alih; dan/atau
  - iii) Menarik balik kesahan semua instrumen perbankan;
- dan Pelanggan akan dimaklumkan setelah kesemua perkara diatas telah dikendalikan.

### **Nota:**

e-FD dan Akaun Alliance SavePlus/-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank.

Akaun SavePlus-i dan Alliance Term Deposit-i adalah berasaskan konsep Syariah iaitu Tawarruq